

**Tarikh Dibaca: 8 NOVEMBER 2022 / 13 RABI'UL AKHIR 1444H**



**JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR**

***Tajuk:***

***“KHUTBAH GERHANA BULAN”***

\*\*\*

***JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR***

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ: وَسَخَّرَ لَكُمُ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ دَآبِيْنٌ وَسَخَّرَ  
لَكُمُ الْيَلَ وَالنَّهَارَ ٣٣

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:  
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita diberikan kejayaan di dunia dan akhirat.

**Hadirin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita sama-sama bertakbir dan bertahmid ke atas Allah, Tuhan yang menggerakkan bumi, bulan dan matahari, dan mentakdirkan berlakunya gerhana bulan penuh di negeri kita sekarang.

Gerhana bulan merupakan fenomena yang berlaku apabila orbit bulan melintas masuk ke dalam bayang-bayang bumi yang dipanggil umbra. Pada ketika ini, bumi berada sebaris antara bulan dan matahari.

Kesannya, sebahagian daripada permukaan bulan purnama, akan menjadi gelap. Apabila keseluruhan bulan berada dalam umbra, maka warnanya akan menjadi kemerahan, kesan daripada biasan cahaya matahari yang masuk ke sebahagian atmosfera bumi.

Di Selangor, kita hanya dapat menyaksikan sebahagian fasa akhir gerhana bulan kerana ia telah bermula sebelum Maghrib tadi, dan bulan masih baru terbit dan rendah di kaki langit timur.

### **Hadirin sekalian,**

Bagi umat Islam, fenomena gerhana ini merupakan satu petunjuk terhadap kekuasaan Allah. Betapa telitiya aturan falak hingga memungkinkan fenomena yang menakjubkan ini berlaku bagi meluruskan akidah umat Islam dalam mengenal Tuhan Yang Maha Pencipta. Melalui gerhana bulan, kita bertambah yakin betapa Allah yang menentukan aturan manazil bulan. Firman Allah *Subhanahu wa Taala* dalam Surah Yasin ayat ke-39 dan 40:

وَالْقَمَرَ قَدْرُنَاهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَالْعُرْجُونِ الْقَدِيمِ ﴿٣٩﴾  
الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُذْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا الْلَّيلُ سَابِقُ النَّهَارِ وَكُلُّ فِي  
فَلَلَّٰهِ يَسْبَحُونَ ﴿٤٠﴾

Yang bermaksud: *Dan bulan pula Kami takdirkan dia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga di akhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya - (berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering. (Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing.*

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Semasa zaman Nabi Muhammad SAW, gerhana matahari pernah berlaku. Kebetulan, pada waktu itu juga berlakunya kematian putera baginda, Ibrahim bin Muhammad. Diriwayatkan dalam hadis, sebahagian manusia mendakwa kononnya kematian itu disebabkan oleh gerhana matahari yang berlaku. Lalu Baginda SAW menjelaskan, seperti yang diriwayatkan dalam Sahih Bukhari :

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَاتٍ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ، لَا يَنْخِسَفَانِ لِمُوتٍ أَحَدٍ  
وَلَا لِحَيَاةٍ، فَإِذَا رَأَيْتُمْ ذَلِكَ فَادْعُوا اللَّهَ وَكَبِّرُوا، وَصَلُّوا  
وَتَصَدَّقُوا

Yang bermaksud: Sesungguhnya matahari dan bulan adalah dua tanda daripada tanda-tanda kebesaran Allah. Kedua-duanya tidak gerhana dengan sebab kematian atau kelahiran seseorang. Sekiranya kamu melihat gerhana, maka berdoalah kepada Allah, bertakbirlah, solat dan bersedekah.

**Hadirin sekalian,**

Sesungguhnya fenomena astronomi seperti gerhana bulan ini, akan lebih mendidik jiwa kita supaya mengenal Tuhan yang mentadbir alam. Bagaimana Allah SWT berkuasa untuk menukar kenampakan bulan mengambang, tiba-tiba bertukar gelap akibat ditutupi bayangan bumi. Adakah wujud kuasa lain yang mampu menukar aturan ini?

Dengan sebab itu, elakkanlah diri kita daripada mengaitkan fenomena gerhana ini dengan nasib, untung dan rugi dalam kehidupan. Sebaliknya, renunglah betapa berkuasanya Allah, Tuhan sekalian alam. Firman Allah SWT dalam Surah Yunus ayat 5:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ  
لِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِيقَى  
يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥﴾

Yang bermaksud: *Dia-lah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia-lah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayatNya (tanda-tanda kebesaranNya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikanNya).*

## **Sidang hadirin sekalian,**

Nabi Muhammad SAW mengajak para Sahabat untuk mendirikan solat sunat Khusuf sepanjang berlakunya gerhana. Diriwayatkan juga bahawa Baginda telah diperlihatkan dalam solat itu, akan nikmat kehidupan di syurga dan pedihnya azab api neraka. Dengan sebab itu, Nabi berpesan dalam khutbah gerhana, seperti yang diriwayatkan dalam Sahih Bukhari:

وَاللَّهِ لَوْ تَعْلَمُونَ مَا أَعْلَمُ لَضَرِحْكُتُمْ قَلِيلًاً وَلَبَكَيْتُمْ كَثِيرًا

Yang bermaksud: *Demi Allah, kalau kamu tahu apa yang aku tahu (daripada azab api neraka), nescaya sesungguhnya kamu akan sedikit sahaja tertawa, dan akan banyak menangis.*

## **Sidang hadiri sekalian,**

Maka bersempena dengan terzahirnya salah satu tanda kehebatan Allah menerusi gerhana bulan sekarang, mari kita bersama-sama memperbanyakkan amal ibadah, bertakbir, berdoa dan bersedekah, seperti yang dianjurkan oleh Nabi Muhammad SAW. Bertafakurlah sejenak dan tadaburlah ayat-ayat kebesaran Allah ini, agar subur jiwa kita dengan tunjang akidah yang tulen, jauh daripada kepercayaan karut marut khasnya terhadap kuasa lain selain Allah.

Mengakhiri khutbah khas gerhana ini, marilah kita bersama-sama mengambil hikmah pengajaran, antaranya:

1. Umat Islam perlu meningkatkan keyakinan kepada Allah, sebagai Tuhan yang menjadikan alam, dan mentadbirnya dengan penuh ketelitian.
2. Gerhana bulan tiada kaitan dengan untung nasib baik atau buruk seseorang. Tetapi ia merupakan salah satu tanda kebesaran Allah.
3. Bulan dan matahari merupakan ciptaan Allah bagi sebagai manfaat kepada manusia, khasnya dalam ilmu falak, sistem kalender, matematik dan sains moden. Maka umat Islam perlu bersungguh-sungguh mempelajari ilmu ini agar tidak ketinggalan di belakang.
4. Umat Islam perlu memperbanyakkan amalan soleh dan berdoa sepanjang gerhana berlaku.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
 وَمِنْ عَذَابِهِ الْأَلِيلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالقَمَرُ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ  
 وَلَا لِلْقَمَرِ وَاسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانًا تَعْبُدُونَ

۲۷

*“Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah malam dan siang, serta matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan dan sebaliknya hendaklah kamu sujud kepada Allah yang menciptakannya, kalau betulah kamu hanya beribadat kepada Allah.”*

*(Fussilat : 37).*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ  
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ  
تِلَا وَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ إِتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ، يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَأْرِضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَدِيْكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعْيَنِ عِنَايَاتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ،

سُلْطَان سلاعُور، سُلْطَان شَرَفُ الدِّين ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَان صَلَاحُ الدِّين عبد العزيز شاه الحاج. أَللَّهُمَّ أَدِمْ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِي عَهْدِ سلاعُور، تَغْكُو أَمِيرَ شَاه إِبْنِ السُّلْطَان شَرَفُ الدِّين ادريس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. أَللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلَّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuatkan negara umat Islam sebagai negara yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru, kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

رَبَّنَا هَبَ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَآجَعَلَنَا  
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي  
الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ  
لَعْلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ  
وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.